



فجابه فربندهاران نكري ترغكانو

**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,  
20592 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957  
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)  
: 09-626 7948 (Bend. Tr)  
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR.A/30/10/0/03-(87)  
12 Oktober 2021  
05 Rabiulawal 1443H

Semua Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Ketua Pusat Tanggungjawab  
Jabatan Kerajaan Negeri,  
**Terengganu.**

Tuan,

**PENAMBAHBAIKAN OPERASI AKAUN TERIMAAN UTAMA AKAUNTAN  
NEGERI TERENGGANU**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Akaun Terimaan Akauntan Negeri Terengganu digunakan bagi terimaan melalui tunai, cek, wang pos, kiriman wang dan terimaan secara atas talian. Terimaan ini adalah daripada pejabat Kerajaan Negeri/ Kerajaan Persekutuan, pelbagai agensi Kerajaan Negeri, syarikat dan orang perseorangan.

3. Pihak Bendahari Negeri menghadapi kesukaran dalam mengenalpasti pembayar bagi terimaan secara atas talian yang diterima daripada PTJ Kerajaan Persekutuan/ pelbagai Agensi Kerajaan Negeri, syarikat dan orang perseorangan disebabkan tiada maklumat yang lengkap dan menyebabkan terimaan tidak dapat diperakaunkan ke akaun hasil Kerajaan Negeri. Perkara ini telah mendapat perhatian dan teguran audit bagi penutupan akaun tahun 2020.

4. Sehubungan itu, semua PTJ adalah diminta untuk mendapatkan kebenaran daripada Bendahari Negeri sebelum transaksi dibuat dan memaklumkan sebarang terimaan yang telah dimasukkan ke dalam akaun bank tersebut sebelum atau pada hari terakhir bekerja setiap bulan. Sekiranya tiada makluman diterima daripada pihak tuan selepas dari tempoh tersebut, maka terimaan akan diperakaunkan sebagai hasil Pejabat Bendahari Negeri Terengganu.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi pihak Bendahari Negeri iaitu Pn. Sajiah binti Ismail dan En. Ahmad Azam bin Hitam (09-6276258). Kerjasama dan perhatian tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**" TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA "**  
**" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HALIMATUN BINTI YUSOF)**

Timbalan Bendahari Negeri Terengganu  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu.

*"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"*